

Submission date: 28/10/2022 Acceptance date: 29/10/2022 Published date: 30/4/2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol28no1.407>

PERUBATAN ISLAM: ANALISIS PERKEMBANGAN, KESAN, DAN PERMERKASAAN DI MALAYSIA

*Islamic Medicine: The Analysis on The Evolution, Impact and Empowerment in
Malaysia.*

Muhammad Remy bin Othman,^a Sayidah Asma binti Basir,^b Khadher bin Ahmad,^c
Khalijah binti Awang,^d Zulkifli bin Mohd Yusoff^e

^{a,c,d,e}Universiti Malaya

^bUniversiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

remy86vrg@gmail.com (Corresponding email)

Abstract

Every civilization, race, and religion have their own remedies when it comes to finding a cure of a disease. Thus, this paper focuses on the evolutionary analysis of the development of Islamic medicine starting from the time of the Prophet Muhammad PBUH that then affected the methods of treatment during the Malay civilization specifically Malaysia that has a variety of race and religion. The methodology of this research is qualitative, whereby research is compiled from the library and analysed according to the main objectives of the research. It has four main objectives which are, firstly: Discussion regarding the sources of Islamic Medicine, secondly: Discussion on the evolution and impacts of Islamic Medicine in Malaya, Malaysia, third: List of characteristics of Islamic medicine, who are the practitioners of Islamic medicine, and fourth: Discussion of the efforts of the Malaysian Government in preserving the the treasures of Islamic Medicine through the provisions of the Traditional and Complementary Medicine Act 2016 (Act 775), and the multidisciplinary research grants. Therefore, this paper suggests that the knowledge of Islamic Medicine from the heritage of Malaysia, specifically in the medical books of Malays must be studied continuously and comprehensively from all aspects of the study.

Keywords: History of Islamic Medicine, Malay Medicine, Traditional and Complementary Medicine Act 2016 Act 775.

Abstrak

Setiap tamadun, bangsa dan agama mempunyai kaedah rawatan tersendiri dalam mencari penawar bagi setiap sesuatu penyakit. Makalah ini menumpukan kepada analisa evolusi perkembangan perubatan Islam bermula dari zaman Rasullullah SAW hinggalah mempengaruhi kaedah rawatan ketamadunan Melayu khususnya Malaysia yang mempunyai kepelbagaian bangsa dan agama. Metode kajian ini bercorak kualitatif dengan mengumpulkan kajian perpustakaan dan dianalisa mengikut tema objektif kajian. Kajian ini mempunyai empat objektif utama iaitu, pertama: membincangkan sumber perubatan Islam, kedua: membincangkan perkembangan dan kesan perubatan Islam ke tanah Melayu, Malaysia, ketiga: menyenaraikan ciri perubatan Islam, siapakah pengamal perubatan Islam, dan keempat: membincangkan usaha kerajaan Malaysia dalam memelihara khazanah perubatan Islam melalui peruntukan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775), dan penyediaan geran penyelidikan multidisplin. Justeru itu, makalah ini mensarankan agar ilmu perubatan Islam dari khazanah Malaysia khususnya kitab-kitab perubatan Melayu perlu dikaji secara berterusan dan komprehensif dari segala aspek kajian.

Kata kunci: Sejarah Perubatan Islam, Perubatan Melayu, Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 Akta 775.

PENGENALAN

Ilmu perubatan pada asalnya lebih dikuasai oleh orang bukan Islam. Hal ini kerana perkembangannya dipercayai bermula sejak sebelum hijrah sekitar 2600 sebelum masihi oleh tamadun Mesir, tamadun Greek, tamadun India dan China (Hajar, 2015). Ia terus berkembang mengikut penemuan penyakit, jenis rawatan dan penghasilan pelbagai jenis kaedah perubatan seperti perubatan Unani, Ayurveda, Perubatan Traditional Cina dan lain-lain jenis perubatan (Hajar, 2015). Oleh yang demikian, ilmu perubatan di zaman ketamadunan Islam (*the Golden Age of Islam*) pada mulanya banyak dipengaruhi oleh cara pemikiran dari tamadun Yunani, Greek dan Mesir (Mumtaz, 2020).

Penemuan mikroskop, ubat bius, vaksin dan ilmu genetik turut memberikan kesan kepada perubatan Islam. Etika perubatan Islam dan Muzakarah Fatwa juga turut memainkan peranan dalam menjawab permasalahan perubatan seperti penemuan kaedah perubatan baru seperti hukum mematikan bantuan alat pernafasan terhadap pesakit koma yang menyebabkan kematian (Al-Qaradhawi, 2015), proses persenyawaan bayi yang dihasilkan dari genetik lelaki dikongsi dari dua baka perempuan dengan memanipulasi genetik sel mitokondria (Ibrahim dan lain-lain, 2019) dan mengharuskan pengambilan vaksin COVID-19 dalam memutuskan rantai penularan jangkitan dalam masyarakat (Hukum ambik vaksin, 2021). Hal ini telah

menjadi keperluan kepada sarjana Islam yang berkemahiran dalam perubatan untuk terus mempelajari dan menguasai imu perubatan (Kamarudin dan lain-lain, 2020).

Kajian ilmiah bercorak saintifik, atau apa sahaja ilmu yang dihasilkan daripada disiplin ilmu sains merupakan satu bentuk *hikmah* (kebijaksanaan) yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl (16) ayat ke-125:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۚ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ
هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ (125)

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Menurut Wahbah al-Zuhaili (1994) *al-Hikmah* ditafsirkan sebagai menyampaikan sesuatu kebenaran berdasarkan ilmu dan akal. HAMKA (2012) menjelaskan kebijaksanaan bukan sahaja melalui ucapan, bahkan kebijaksanaan termasuk dalam segala tindakan dan cara hidup.

Oleh itu, hikmah yang dihasilkan melalui kaedah saintifik tidak lagi asing bagi umat Islam sejak dahulu lagi. Hal ini dapat dilihat daripada tokoh-tokoh Islam seperti al-Batani, Ibnu Yunus, Ibn Sina, Ibn Rusyd, Ibn Qayyim, dan ramai lagi (Samuri dan lain-lain, 2018). Kajian-kajian perubatan yang dihasilkan dahulu oleh sarjana perubatan Islam mendapat tempat di kalangan pengkaji Islam pada masa kini khususnya amalan dari perubatan Melayu. Antaranya adalah seperti penerapan etika perubatan Islam yang diajar buat pertama kalinya di Universiti Islam Antarabangsa di sejak pelajar perubatan kumpulan pertama yang bergraduasi pada tahun 2002. Universiti Sains Islam Antarabangsa (USIM) antara universiti yang mengamalkan gabungan Aqli Naqli. Kursus Etika Perubatan dan Isu Fiqh (Medical Ethics and Fiqh issues) diajar dalam kursus dua minggu yang dijalankan pada tahun akhir bagi graduan Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri (MBBS), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM (Jamilah dan lain-lain, 2014). Antara lain seperti penerapan etika perubatan Islam dalam kalangan pelajar perubatan UPM (Deuraseh dan lain-lain, 2017), amalan diet dan rawatan mengikut Nabi Muhammad SAW dalam kalangan pelajar farmasi di Malaysia (Lamin dan lain-lain, 2018) dan lain-lain kajian lagi.

Selain daripada itu, kajian daripada kitab Perubatan Melayu semakin mendapat tempat di kalangan pengkaji masa kini. Sebagai contoh, kajian potensi rawatan denggi dari sebatian aktif tumbuhan herba terpilih Malaysia (Salleh dan lain-lain, 2019), petunjuk rawatan luka menggunakan inai disebut dalam hadith Rasulullah SAW (Ariffin dan lain-lain, 2020) turut yang diamal oleh orang Melayu (Othman dan lain-lain, 2021), perubatan nabi Muhammad SAW dinukilkan dalam manuskrip Kitab Tib Melayu (Ibrahim dan Ahmad Shah, 2020) dan banyak lagi. Walaupun begitu, menurut Ahmad dan lain-lain (2019), sebanyak 82.3% pandangan masyarakat masih memahami dan menerima pengubatan Islam sebagai rujukan kepada gangguan makhluk halus berbanding penyakit fizikal dan emosi sahaja. Hal ini berlaku kerana kekuatan model yang dipelopori Barat yang telah meliputi aspek diagnosis, rawatan dan pencegahan penyakit. Manakala pengubatan Islam masih belum menyediakan secara komprehensif meliputi aspek-aspek tersebut di mana-mana negara. Oleh demikian kombinasi antara pengubatan Islam dan kontemporari perlulah dilaksanakan secara berhikmah dan tersusun agar masyarakat mampu menerima peranan pengubatan Islam secara keseluruhannya.

SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Skop kajian ini adalah perkembangan perubatan Islam dan kesannya kepada Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan metode mengumpul data penyelidikan melalui kajian perpustakaan. Bagi menjawab persoalan kajian dan huraian perbincangan kajian, analisis triangulasi data diaplikasikan (Denzin, 1978). Hal ini dalam kajian kualitatif analisis triangulasi memberikan ketepatan fakta dan keesahannya untuk mencapai persoalan kajian dengan berpandukan kepada pecahan objektik kajian. Semua data dianalisis secara triangulasi data berasaskan objektif kajian. Terdapat empat objektif kajian dalam makalah ini; pertama: membincangkan sumber perubatan Islam, kedua: membincangkan perkembangan dan kesan perubatan Islam ke tanah Melayu, Malaysia, ketiga: menyenaraikan ciri perubatan Islam, siapakah pengamal perubatan Islam, dan keempat: membincangkan usaha kerajaan Malaysia dalam memelihara khazanah perubatan Islam.

SUMBER PERUBATAN ISLAM

Secara umumnya, menurut Samuri dan lain-lain (2018) kebanyakan ulama atau sarjana Islam tidak mentafsirkan secara khusus ilmu perubatan Islam. Ibn Khaldun dalam bukunya *Mukadimah*, menyatakan kebiasaan orang badwi (bangsa pengembara di tanah Arab) mengamalkan perubatan berdasarkan pengalaman yang diperolehi daripada keturunan, sheikh-sheikh dan juga wanita-wanita tua (Long, 2016).

Sebelum kebangkitan Islam, orang-orang Arab mempunyai banyak jenis ubat seperti ini, doktor atau pengamal perubatan yang terkenal antaranya al-Harith Ibn Kaladah

telah mengamalkan kaedah turun temurun ini. Perubatan ini bukanlah mukjizat kepada nabi Muhammad SAW tetapi adalah suatu yang secara tradisi telah dipraktikkan di kalangan orang arab pada ketika itu. Ubat jenis itu (formulasi) yang terkandung dalam kehidupan dan kebudayaan orang-orang Arab tetapi tidak membentuk apa-apa bahagian dalam agama Islam yang diamalkan dengan tepat (Omar, 2006; Rahbar dan Nejad, 2017).

Walaupun begitu, ajaran dan asas dalam agama Islam itu sendiri adalah terbuka dan menyeru manusia untuk terus berfikir, mencari yang hak, meneroka, menyelidik, *tabbayun* dan sentiasa berusaha untuk menjadi umat yang terbaik. Oleh itu, perkembangan ilmu dalam tamadun Islam terus berkembang sehingga kini.

Al-Quran dan Sunnah: Rujukan Utama Perubatan Islam

Manusia diciptakan sebagai Khalifah Allah SWT. Dengan sifat kesempurnaan manusia yang Allah ciptkan dan dilantik menjadi khalifah di bumi (surah al-Baqarah (2) ayat ke-30), sifat semula jadi manusia itu sendiri lemah, dan akan mengalami proses penuaan. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Nahl (16) ayat ke-70:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّاكُمْ ۚ وَمِنْكُمْ ۚ مَنْ يُرَدُّ إِلَىٰ أَرْدَلِ الْعُمْرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ قَدِيرٌ (70)

Maksudnya: Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian Ia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya), dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebudak-budakan), sehingga menjadilah ia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

Walaupun begitu sifat kejadian manusia, diciptakan bersifat lemah pada awalnya kemudian menjadi kuat dan kembali lemah. Allah SWT tidak meletakkan manusia hanya terus menerus berserah kepada proses kejadian itu tanpa memberikan petunjuk kepada ikhtiar untuk menguatkan badan serta mencari rawatan apabila sakit. Hakikatnya Allah SWT (Surah Al-Israa' (17) ayat ke-82) juga lah yang menurunkan penawar bagi segala jenis penyakit. Oleh itu, berusaha dan berikhtiar agar diketemukan penawar penyakit yang dialami.

Konsep asas penyembuhan adalah memohon kepada Allah SWT akan penyembuhan, dan carilah rawatan yang bersesuaian supaya kembali sembuh dengan izin Allah SWT. Sebagai contoh peristiwa Nabi Ayub AS. Allah berfirman dalam surah Saad

ayat 38, telah mengajar Nabi Ayub AS untuk merawat penyakit yang dialami baginda. Allah SWT telah mengarahkan agar Nabi Ayub AS menghentakkan kakinya ke bumi maka terpancarlah air untuk dijadikan sebagai mandian dan minuman sebagai *medium* atau ubat penawar penyakit yang dialami oleh Nabi Ayub AS. Dengan izin Allah, maka sembuhlah penyakit Nabi Ayub AS (Perubatan Islam, Bharian, 2019).

SEJARAH PERKEMBANGAN PERUBATAN ISLAM

Perkembangan Ilmu Perubatan Islam

Sumber rujukan utama perubatan Islam adalah al-Quran dan petunjuk rawatan dalam hadith Rasulullah SAW (*al-Tibb al-Nabawi*). Rujukan seterusnya adalah daripada pengalaman dan amalan *as-Salafussoleh* yang terdiri daripada *as-Salaf* dan *al-Khalaf* berdasarkan kepada ilmu, keikhlasan, dan kekuatan daya ingatan yang amat jarang didapati pada zaman kini (Haron, 2011).

Kajian dan penghasilan kitab khusus *al-Tibb al-Nabawi* telah mula dilihat lebih awal sejak awal abad ke-3 Hijri. Hal ini berdasarkan penghasilan penulisan risalah secara ringkas oleh Imam ‘Ali al-Ridha al-Kazim (m. 203H/ 819M) yang bertajuk *Al-Risala al-Dhahabiyya fi ‘l-Tibb* (Meri, 2005) yang turut dikenali *Risalah Mushtamilah alā al-Tibb al-Nabawi* (Haron, 2016). Kemudian usaha ini diikuti pula oleh Abd al-Malik bin al-Habib al-Andalusi (m. pada 238H/ 852M) dengan mengumpulkan hadith-hadith berkaitan tentang *al-Tibb al-Nabawi* dalam bab-bab tertentu yang lebih tersusun telah menjadikan *al-Tibb al-Nabawi* berkembang menjadi satu bidang ilmunya yang tersendiri (Yakob dan lain-lain, 2016). Usaha ini dapat dilihat sekitar abad ke -2 dan ke-3 Hijrah (Akmaluddin, 2018).

Ilmu Perubatan Islam zaman *Muhaddith* (المحدث)

Para ulama hadith seperti Imam Bukhārī (m. 256h/870m) dalam kitabnya *al-Jami’ al-Sahih al-Musnad al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi*, dikenali dengan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang ditulis oleh Imam al-Bukhārī telah menyusun hadith-hadith mengikut kitab atau sebagai tajuk utama dan setiap kitab itu mempunyai bab-bab tertentu dan salah satu tajuk kitabnya adalah *Kitab al-Tibb* (Kitab Pengubatan) yang mengandungi 104 hadith di dalamnya (Ahmad dan Ariffin, 2013). Begitu juga dengan *Ṣaḥīḥ Muslim* yang ditulis oleh Imam Muslim (m. 261h/875m), memasukkan beberapa hadith berkaitan dengan pengubatan dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* seperti dalam Kitab Salam yang meriwayatkan beberapa hadith tentang rawatan demam, setiap penyakit ada ubatnya dan sebagainya.

Kompilasi hadith tentang pengubatan juga dikumpulkan oleh para *muhaddith* lain seperti Imam Abu Dāwūd (m. 275h/889m) “*kitab al-Tibb*” dalam *Sunan Abu Dāwūd* (2009), Imam al-Tirmidhī, (m. 279h/892m) “*Kitab al-Tib*” dalam *Sunan al-Tirmidhī*

(1962), *Ibn Majāh* (m. 273h/887m) “*Kitab al-Tibb*” dalam *Sunan Ibn Majāh* (1986), dan lain-lain lagi.

Menurut Mazni (2014) kompilasi disiplin ilmu pengubatan nabi (*al-Tibb al-Nabawi*) oleh *muhaddith* merupakan satu sumbangan yang besar dan satu khazanah kecemerlangan ketamadunan Islam dalam perkembangan dunia pengubatan. Boleh dikatakan usaha ini adalah satu usaha yang mendorong generasi terkemudian mengkaji dan mengembangkan lagi petunjuk ilmu pengubatan nabi yang kini dikenali dengan nama *al-Tibb al-Nabawi* (Mazni, 2014).

Ilmu Perubatan Nabi (*al-Tibb al-Nabawi*) selepas Ashab al-Sunan

Menurut Marni (2014), selepas *Ashab al-Sunan*, terdapat pelbagai metode penulisan ilmuan Islam terhadap kitab *al-Tibb al-Nabawi* yang dihasilkan. Metode penulisannya bergantung kepada kepakaran dan kecenderungan pengarang tersebut. Sebagai contoh, ada sebilangan kitab lebih berbentuk koleksi hadith yang berkaitan dengan perubatan, dan ada juga sebilangan penulisan menyertakan ulasan berserta huraian berdasarkan konsep perubatan daripada pengaruh perubatan Greek, perubatan India dan lain-lain. Terdapat beberapa buah kitab utama yang menulis mengenai perubatan Nabi (*al-Tibb al-Nabawi*) antaranya seperti di dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Penulis dan Nama Kitab Utama mengenai Kitab *al-Tibb al-Nabawi*. (data diolah daripada Mohd Asmadi Yakob (2016) yang merujuk kepada Adil Muhammad 'Ali al-Syeikh Husayn, (2005).

Bil	Penulis	Nama kitab
1	Abu al-Hasan Ali bin al-Ridā (203H/818M).	<i>al-Risālah al-Dhahabiyah fi al-Tibb al-Nabawi</i>
2	Imam Ali al-Ridha bin Musa al-Kazim bin Ja'far al Sadiq (m. 230H)	<i>Imam 'Ali al-Ridha wa Risalatuhfi al-Tibb al-Nabawi</i> dikenali <i>Risālah Mushtamilah alā al-Tibb al-Nabawi</i> . (Haron, 2016)
3	'Abd al-Malik bin Habib al-Andalusi (m. 238H)	Kitab <i>al-Tibb al-Nabawi</i>
4	Abu Bakar Ahmad bin Muhammad al-Dinawari (m. 364H)	<i>al-Tibb al-Nabawi</i> (Ibn al-Sunni)
5	al-Hafiz Abu Nu'aym al-'Asbahani (m. 430H)	<i>al-Tibb al-Nabawi</i> (sebuah kitab yang besar dengan menghimpunkan sebahagian besar <i>athar & khabar</i> yang disandarkan pada Nabi SAW)
6	Ibn Hazm al-Zahiri al-Andalusi (m. 456H)	<i>Risalah fi al-Tibb al-Nabawi</i>

7	'Abd al-Latif al-Baghdadi (m. 629H)	<i>al-Tibb al-Nabawi (al-Arba in al-Tibbiyyah al-Mustahkriyah min Sunan Ibn Majah)</i> . Kitab ini merupakan himpunan 40 hadith <i>al-Tibb al-Nabawi</i> yang terdapat dalam Sunan Ibn Majah.
8	'Abd al-Latif al-Baghdadi	<i>al-Tibb min al-Kitab wa al-Sunnah</i> . Kitab ini ditahqiq oleh 'Abd al-Mu'ti al-QaPaji.
9	al-Hafiz Dhiya' al-Din Muhammad 'Abd al-Wahid al-Maqdisi (m. 646H) dan ditahqiq oleh Majdi Fathi al-Sayyid.	<i>al-Tibb al-Nabawi</i>
10	Ahmad Ibn Yusuf al-Taifasyi (m. 651H) dan ditahqiq oleh 'Abd al-Mu'ti al-Qal'aji	<i>al-Syifa' fi al-Tibb al-Musnad 'an al-Sayyid al-Mustafa</i>
11	'Ali 'Abd al-Karim bin Tarkhan al-Kihal al-Hamawi (m. 720H) dan juga dikenali dengan nama Ibn Tarkhan 'Ala' al-Din al-Kahhal.	<i>al-Ahkam al-Nabawiyyah fi al-Sina'ah al-Tibbiyyah</i> . Kitab ini ditahqiq oleh 'Abd al-Salam Hasyim Hafiz.
12	Imam al-Hafiz Muhammad Shams al-Din al-Dhahabi (m. 748H). (Merupakan seorang perawi hadith dan sejarawan)	<i>al-Tibb al-Nabawi</i> Kitab ini ditahqiq oleh panel Mustafa al-Babi al-Halabi.
13	Imam Muhammad bin Abu Bakar Syams al-Din atau lebih dikenali oleh Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (m. 751H).	<i>al-Tibb al-Nabawi</i> Kitab ini ditahqiq oleh 'Abd al-Mu'ti Qal'aji. Yusuf 'Ali Badiwi menyatakan bahawa kitab ini bukan karya asal Ibn al-Qayyim tetapi karya Muwaffaq al-Din Muhammad 'Abd al-Latif al-Baghdadi yang ditahqiqkan oleh Yusuf sendiri.
14	Muhammad bin Abi Fathal-Ba'li al-Hanbali	<i>Arba un Babanfi al-Tibb</i> Kitab ini ditahqiq oleh Ahmad al-Bazrah dan 'Ali Ridha' Abd Allah.
15	Imam al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti (m. 911H)	<i>al-Manhaj al-Sawiy wa al-Manhal al-Rawifi al-Tibb al-Nabawi</i> Kitab ini ditahqiq oleh Hasan Maqbuli al-Ahdal.

16	Jalal al-Din al-Suyuti (m. 911H)	<i>Muqamat al-Suyuti al-Adabiyyah - al-Tibbiyyah</i> Kitab ini yang ditahqiq oleh Muhammad Ibrahim Salim
17	Muhammad bin Ahmad bin Tulun.	<i>al-Manhal al-Rawi fi al-Tibb al-Nabawi</i>
18	Muhammad bin Abd al-Rahman al-Sakhawi (m. 902H)	<i>al-Siyar al-Qawiyy fi al-Tibb al-Nabawi</i>
19	Yusoff bin Muhammad al-Sarmawi al-'Ibadi al-Hanbali (m. 776H)	<i>Syafa' al-Anam fi Tibb Ummah al-Islam</i>
20	Ja'far bin Muhammad al-Mustaghfiri (m. 432H)	<i>al-Tibb al-Nabawi</i>
21	Muhammad bin Ibrahim bin Sa'ad al-Ansari atau lebih dikenali dengan Ibn Akfani (m. 749H)	<i>al-Tibb al-Nabawi</i>
22	Muhammad al-Safti al-Zainabi	<i>al-Tibb al-Nabawi</i>
23	Dawud bin Farj	<i>al-Tibb al-Nabawi</i>
24	Abu al-Qasim al-Hasan bin Muhammad al-Muhaddith	<i>Tibb al-Nabi Salla Allah alaihi wa Sallam</i>
25	Najm al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazzi.	<i>al-Mukhtar fi Ikhtisar al-Tibb al-Nabawi</i>
26	Abu Bakar Ahmad bih Abi Asim al-Dhahhak al-Syabani (m. 287H).	<i>al-Tibb al-Nabawi</i> (naskahnya telah hilang)
27	Imam Abu al-Farj Abd al-Rahman ibn 'Ali bin Muhammad	<i>Laqt al-Manafi' fi al-Tibb</i>
28	Ibn al-Jauzi	<i>al-Tibb al-Ruhani</i>
29	Badr al-Din Muhammad bin Ibrahim bin Jama'ah al-Kinani (m. 733H)	<i>Tazkirahfi al-Tibb al-Nabawi</i>
30	Muhammad 'Ali al-Bar	<i>Hal Hunaka Tibb al-Nabawi,</i>
31	Muhammad 'Ali al-Bar	<i>Qabasat min al-Tibb al-Nabawi al-Tlaji</i>
32	Abdullah al-Sa'id	<i>al-Habbat al-Sauda' (Habbah al-Barakah) min al-I'jaz al-Tibbifi al-Ahadith al-Nabawiyyah al-Syarifah,</i>

33	Abdullah al-Sa'id	<i>al-Kam 'ah</i>
34	Abdullah al-Sa'id	<i>'Ilm al-Warathah min al-I'jaz al-Tibbi fi al-Ahadith al-Nabawiyyah al-Syarifah</i>
35	Abdullah al-Sa'id	<i>'Ilm al-Nafs</i>
36	Abdullah al-Sa'id	<i>al-Rutab wa al-Nakhlah,</i>
37	Abdullah al-Sa'id	<i>al-Hijr al-Sihhi,</i>
38	Muhammad Said al-Buti	<i>Mu'jizatfi al-Tibb li al-Nabiyy SAW</i>
39	Najib al-Kailani	<i>Fi Rihab al-Tibb al-Nabawi</i>
40	Mahmud al-Haji al-Qasim	<i>al-Tibb al-Wiqa' i al-Nabiyy</i>
41	al-Fadal al-Abid 'Umar	<i>al-Habbah al-Sawda'fi al-Tibb al-Sa'bi</i>
42	Tayyib 'Abdullah Tayyib	<i>al-Syifa 'fi al-Habbah al-Sawda'</i>
43	Muhammad Kamal 'Abd al-Aziz	<i>al-Habbah al-Sawda' Da' Dawa' li Kulli Da'</i>

Menurut Mazni (2014) sebahagian daripada 43 kitab yang menulis berkaitan dengan pengubatan Nabi (*Al-Tibb al-Nabawi*), terdapat beberapa kitab utama yang menjadi rujukan dalam pengubatan Nabi antaranya:

- 1) Kitab *al-Tibb al-Nabawi* karangan Al-Hafiz Abu Nu'aym al-'Asbahani (m. 430H/1038M).
- 2) *Kitab al-Tibb al-Nabawi (al-Arba'in al-Tibbiyyah al-Mustahkrijah min Sunan Ibn Majāh)* karangan 'Abd al-Latif al-Baghdadi (m. 629H/ 1231M) .
- 3) *Al-Ahkam al-Nabawiyyah fi al-Sina'ah al-Tibbiyyah* karangan 'Ali 'Abd al-Karim bin Tarkhan al-Kihal al-Hamawi (m. 720H/ 1320M).
- 4) *al-Tibb al-Nabawi oleh* Imam Muhammad bin Abu Bakar Syams al-Din atau lebih dikenali oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m. 751H/ 1350M).
- 5) *al-Manhaj al-Sawiy wa al-Manhal al-Rawifi al-Tibb al-Nabawi* karangan Imam al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti (m. 911H/ 1505M).

PERKEMBANGAN PERUBATAN ISLAM DI MALAYSIA


Kitab *Tibb* dalam ketamadunan Melayu

Sejarah ketamadunan Melayu telah membuktikan bahawa penggunaan istilah *Tib* dikenali dengan istilah perubatan. Sekitar 40 buah naskah dalam ketegori 'Kitab Tib' yang boleh diakses di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia antaranya *Kitab Tibb Pontianak* (Fauzi, 2012), *Mujarabat Melayu*, *Tajul Muluk*, *Tajus as Salatin*, *Surat Tib Ubat*, *Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb alInsan*, *Kitab Tib: Ilmu perubatan Melayu* dan banyak lagi merupakan khazanah masyarakat melayu dalam perihal perubatan (Jamal, 2006; Piah, 2006; Faisal, 2007).

Terdapat banyak institusi pengajian tinggi sedang giat mengkaji kitab *tib* antaranya, Kitab *Tib* MS 174 (Ibrahim dan lain-lain, 2019), Kitab *al-Rahmah fi al-Tib wa al-Hikmah* (Hasan dan lain-lain, 2020), Kitab *Tayyib al-Ihsan Fi Tib al-Insan*, Kitab *Khazinat al-Insan*, Kitab *Tib: Ilmu Perubatan Melayu*, Kitab *Tib* Muzium Terengganu (Salleh dan lain-lain, 2020) dan lain-lain kajian lagi.

Hasil analisis terkini kitab *Tib* terpilih menemukan bahawa keadah rawatan dan amalan diagnosis dalam perubatan Melayu tidak melibatkan unsur-unsur syirik dan khurafat (Haliza, 2005), bahkan dapat dirumuskan bahawa perubatan Melayu mempunyai ciri-ciri holistik dan lengkap merangkumi aspek spiritual, emosi, mental dan fizikal pesakit. Menurut Salleh (2020), amalan diagnosis ditentukan berdasarkan simptom dan juga tanda pada tubuh, penderitaan yang dialami pesakit, bahagian tubuh yang terlibat, berapa lama masa kesakitan dialami akan membantu perawat untuk memberikan rawatan yang perlu kepada pesakit.

Dalam **Rajah 1** dibawah, Salleh (2020) telah menggambarkan secara ringkas diagnosis ketidaksimbangan tubuh dalam perubatan Melayu sebelum sesuatu rawatan diberikan.



Rajah 1: Ringkasan awal proses diagnosis dalam perubatan Melayu.

Beberapa kajian tesktual pada 20 Kitab Tib Melayu terpilih telah menemukan signifikannya penggunaan jintan hitam (*Habbatussauda*) dengan rawatan perubatan Nabi bagi merawat empat penyakit antaranya gastroenteritis, jangkitan cacing, anemia dan letih lesu (Razif dan Sempo, 2019).

Inisiatif Kerajaan Malaysia Melalui Geran Penyelidikan Multidisiplin

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah meluluskan beberapa geran penyelidikan antaranya *Niche Research Grant Award Scheme* (NRGS) yang dijalankan oleh *team* penyelidik USIM telah berjaya menerajui satu projek bertajuk “A Study of Preservation of Health According to Malay Manuscripts” dengan menganalisis beberapa kitab *Tibb* antaranya *Kitab Tibb MSS 3290*, *Kitab Tibb MSS 2810*, *Kitab Tibb MSS 2219* dalam kajian Kearifan Tempatan Mengenai Kapur Barus (*Cinnamomum camphora*) Menurut Perspektif Islam Dan Budaya Masyarakat Melayu Abad Ke 19m (Sempo dan lain-lain 2019).

Kerjasama antara institusi penyelidikan seperti Univeriti Malaya (UM) dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dapat dilihat keberhasilan dalam mengembangkan kajian dari aspek saintifik dengan kajian tesktual antara kajiannya adalah bertajuk “Penyakit Demam Dalam Perspektif Hadith Dan Manuskrip Pengubatan Melayu [Kitab Bermacam-Macam Khasiat]: Satu Analisis” dengan kajian saintifik (Fauzi dan lain-lain, 2019). Hasil penemuan saintifik dari Kitab Bermacam-Macam Khasiat dan Perseptif Hadith telah memfokuskan enzim protease terhadap demam denggi dengan sebatian aktif hasilan daripada tumbuhan herba tempatan Malaysia terpilih antaranya Inai (*Lawsonia inermis*), Kapur Barus (*Dryobalanops aromatica*), Delima (*Punica granatum*), Halia (*Zingiber zerumbet*) dan juga Bidara (*Zizyphus jujuba*) yang disebut dalam Kitab Bermacam-Macam. Kajian ini telah mempamerkan aktiviti perencatan terhadap protease serin NS2B-NS3 daripada sebatian aktif tumbuhan herba tempatan Malaysia terpilih. Ekstrak metanol (MeOH) dari *Dryobalanops aromatica* menunjukkan perencatan paling optimum dengan nilai perencatan 99.70% pada kepekatan 200 µg / mL dengan Nilai IC50 0.30 ± 0.16 µg / mL. Kajian ini juga menunjukkan ekstrak Etil Asetat (EA) dari kulit kayu *Lawsonia inermis* nilai perencatan 86.43% pada kepekatan 200 µg / mL dengan Nilai IC50 0.77 ± 0.37 dan ekstrak MeOH menunjukkan perencatan 87.99% bagi dengan nilai IC50 0.33 ± 0.14 . Kajian ini akan dikembangkan lagi dengan melalui kajian di peringkat *Bioassay* dan juga ujian klinikal (Salleh dan lain-lain, 2019).

Hasil kajian analisis secara asasnya membuktikan bahawa perubatan Melayu mempunyai ciri-ciri yang holistik merangkumi aspek spiritual, emosi, mental, dan fizikal pesakit (Salleh dan lain-lain, 2020). Ciri dan kaedah diagnosis ini telah menonjolkan aspek saintifik dalam perubatan Melayu yang perlu dikaji lebih bersistematik dengan kajian tekstual, diterokai dalam neraca/alat/*instrument* terkini serta disokong dengan bukti saintifik di makmal.

ANALISIS

1. Kepentingan Perubatan Islam

Umat Islam mempunyai cara hidup “*way of life*” dan wawasan yang cukup jelas. Matlamat utama umat Islam adalah untuk mendapat kesejahteraan, hasanah dan kebaikan dalam hidup di dunia dan juga di akhirat. Menurut Imam Qurtubi daripada *Al-Jamik Li Ahkamil Quran, hasanah* (حَسَنَةٌ) di dunia bermaksud “Kesejahteraan dari sudut kesihatan serta harta yang halal lagi mencukupi” (Abidin, 2015).

2. Sumbangan Ilmu Perubatan Islam

Pengkaji mendapati bahawa perkembangan perubatan Islam bermula sejak awal abad ke-3 Hijri lagi. Hal ini berdasarkan karya yang bertajuk *al-Risālah al-Dhahabiyyah fi al-Tibb al-Nabawi* ditulis oleh Abu al-Hasan Ali bin al-Ridā (203H/818M). Kemudian diikuti dalam proses pengumpulan hadith oleh *Asbab al-Sunan* dan ia mula berkembang menjadi satu *fiq* bidang yang tersendiri dengan penghasilan pelbagai kitab perubatan nabi dinisbahkan dengan *al-Tibb al-Nabawi*.

Pada kurun ke-20 masihi, kaedah penulisan perubatan nabi mula dibahagikan kepada dua kaedah penulisan. Bentuk pertama adalah karya yang menggabungkan hadith Nabi SAW dengan kata-kata cendiakawan dalam bidang falsafah, prinsip keseimbangan dan fungsi tubuh dalam keadaan normal. Bentuk penulisan kedua pula ialah pelaksanaan perubatan secara formal, ia disokong oleh beberapa organisasi antaranya *Islamic Medical Organisation* (IMO) yang diasaskan di Kuwait pada tahun 70-an (Mattar, 2004).

3. Ciri-Ciri Perubatan Islam

Ciri paling asas dalam perubatan Islam mestilah bebas daripada unsur-unsur syirik seperti jampi yang tidak difahami maksudnya, sama ada pujaan mengikut adat-adat setempat atau budaya (Ahmad dan lain-lain, 2017). Seorang pengamal perubatan Islam mestilah mematuhi beberapa Piawai Amalan, Etika dan Profesionalisme sebelum merawat, semasa merawat dan selepas merawat. Pengamal pengubatan Islam perlu memahami dan mematuhi larangan dalam pengubatan Islam yang telah digariskan oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), KKM (2011). Merujuk kepada Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam yang dikeluarkan pada September 2011, pengkaji telah memperincikan sepuluh ciri-ciri pengamal perubatan Islam seperti di dalam **Jadual 2**: Ciri-ciri Pengamal Perubatan Islam.

Jadual 2: Ciri-ciri Pengamal Perubatan Islam.

Bil.	Ciri-Ciri Pengamal Perubatan Islam
1.	Seorang pengamal perubatan Islam mestilah beragama Islam, aqil, baligh, memahami ilmu asas Islam merangkumi aspek aqidah, syariat dan akhlak dan sentiasa bertaqwa.
2.	Seorang pengamal perlulah jelas bacaannya, memahami serta mengetahui apa yang diucapkan.
3.	Tidak melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada syirik.
4.	Tidak melakukan maksiat, jenayah dan apa sahaja yang bertentangan dengan undang-undang negara.
5.	Ikhlas dalam mengerjakan sesuatu semata-mata kerana Allah SWT, bukan kerana menunjuk-nunjuk atau bukan untuk mendapatkan ganjaran kebendaan dan sebagainya.
6.	Ketahanan jiwa dan rohani, iaitu mempunyai kepercayaan penuh dan melakukan amalan-amalan tertentu mengikut kehendak dan tuntutan Rukun Iman.
7.	Memperkuatkan benteng pertahanan diri dengan mengamalkan amalan berupa bacaan dan doa untuk memperkuatkan ketahanan diri, mental dan fizikal.
8.	Setiap pengalaman dan penguatan yang dilakukan perlulah merujuk kepada Al-Quran, Hadith, Ijmak Ulama dan Qias, iaitu pengangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
9.	Pembayaran yang dikenakan ke atas perkhidmatan boleh diambil mengikut kos penguatan, tetapi tidak membebankan pesakit.
10.	Dan tidak mengambil kesempatan ke atas pesakit.

Sumber: Diambil dari "Garis Panduan Amalan Penguatan Islam." Tradisional, Bahagian Perubatan, dan Kementerian Kesihatan Malaysia Komplementari (2011).

4. Pusat Rawatan Islam di Malaysia

Satu kajian lapangan pada tahun 2013 telah menemukan 70 buah pusat rawatan Islam yang terdiri daripada ruqyah syar‘iyyah, bekam dan aura (batin). Dalam kajian tersebut telah menyimpulkan bahawa, dalam menyebut tentang rawatan alternatif, sama ada jenis rawatan tradisional mahupun rawatan Islam. Dilaporkan tidak semua perkhidmatan rawatan menepati ciri-ciri rawatan Nabi SAW dan sebahagian daripada kaedah rawatan bercanggah dengan syariat Islam, ada yang meragukan dan ada juga yang memerlukan penelitian dan perbincangan yang lebih terperinci dalam rawatannya (Ahmad dan lain-lain, 2013). Ahmad (2016) turut mencadangkan agar usaha ini diteruskan dengan memperkenalkan Indeks Patuh Syariah untuk mengukur dan menilai tahap kepatuhan dalam bidang penguatan alternatif Islam.

5. Usaha Kerajaan Malaysia dalam memelihara Khazanah Perubatan Islam melalui Akta Perubatan Traditional dan Komplementari 2016 (Akta 775)

Pada 22 Julai 2016, Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) telah diwartakan bagi tujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Perubatan Traditional dan Komplementari bagi mengawal selia perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari di Malaysia. Semua Pengamal Perubatan Traditional dan Komplementari (PT&K) berdaftar perlu memahami dan mematuhi Akta 775.

Pada 27 Februari 2020, Akta Perubatan Traditional dan Komplementari 2016 tersebut telah mengeluarkan Warta Persekutan berkenaan dengan Perintah Perubatan Traditional Dan Komplementari (Penetapan Badan Pengamal) 2020 yang telah menyatakan badan pengamal bagi bidang amalan yang diiktiraf seperti dalam **Jadual 3**.

Jadual 3: Badan Pengamal Ditetapkan Bagi Bidang Amalan Diiktiraf.

Bil.	Badan Pengamal	Bidang Amalan Diiktiraf
1.	Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan traditional Melayu Malaysia	Perubatan traditional Melayu
2.	Persatuan Tabib Tionghoa Malaysia	Perubatan tradisional Cina
3.	Pertubuhan Perubatan Tradisional India, Malaysia	Perubatan tradisinal India
4.	Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia	Homeopati
5.	Gabungan Pertubuhan Perubatan Komplementari dan Alami Malaysia	Kiropraktik dan Osteopati
6.	Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia	Amalan pengubatan Islam

Sumber: Akta Perubatan Traditional dan Komplementari 2016, Perintah Perubatan Traditional Dan Komplementari (Penetapan Badan Pengamal) 2020.

Perkembangan Akta 775 ini telah membuktikan kesungguhan kerajaan Malaysia dalam pembangunan dan pengiktirafan pengamal perubatan Islam dan juga amalan perubatan traditional dan komplementari lain bertujuan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau memelihara kesejahteraan fizikal dan mental individu.

6. Kesan Akta 775 kepada Perubatan Traditional dan Komplementari terhadap Perubatan Islam di Malaysia

Akta 775 dapat memelihara khazanah (telah mengiktiraf dan mensahtraf) nilai perubatan dan bidang amalan di Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian kaum dan

budaya. Akta ini juga secara tidak langsung merungkaikan salah faham Perubatan Islam yang disalahertikan. Khususnya berkaitan dengan amalan kurafat seperti mempercayai jin sebagai penolong dalam rawatan, pengamal membaca jampi yang tidak difahami, penyalahgunaan ayat al-Quran yang bercampur aduk dengan azimat beruba rajah, membaca al-Quran secara terbalik, mendakwa atau *claim* perubatan bersumberkan daripada Rasulullah SAW dan Al-Quran tanpa disokong bukti cara pengambilan yang betul dan lain-lain lagi amalan yang bertentangan dengan syariat Islam.

Peruntukan akta ini penting kepada pengamal perubatan Islam dan pesakit yang mencari penawar berdasarkan perubatan Islam. Pesakit yang ingin mendapatkan rawatan boleh mendapat rawatan dari pengamal yang berdaftar dan ini akan mendatangkan keyakinan kepada mereka. Justeru itu hal ini dapat menghindarkan dari berlakunya penyelewengan ayat-ayat Al-Quran yang membawa kepada pelbagai jenis jenayah dan penyalahgunaan.

Sebagai contoh jenayah rogol seperti yang terjadi dalam kes PP v Abdul Rahman Mohamad [2005] 1 CLJ 700. Di dalam kes ini pengadu berusia 20 tahun diperkosa beberapa kali atas dasar rawatan perubatan-rohani untuk menyembuhkan penyakit. Terapi ini didahului dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran, zikir dengan nama Allah, doa dan diikuti dengan hubungan seksual. Pengadu diberitahu bahawa jika dia mengabaikannya, dia akan menjadi tidak siuman atau bertemu dengan kematian. Pengadu mengizinkan berulang kali di bawah kesalahpahaman bahawa dia dirawat untuk penyakitnya. Setelah pengadu sedar akan keadaannya. Pengadu membawa kes ini ke Mahkamah untuk dibicarakan. Mahkamah rayuan mendapati tertuduh bersalah.

Dengan adanya Akta 775, pesakit yang ingin mendapatkan rawatan dapat memeriksa sama ada perawat dan pusat rawatan yang disediakan adalah berdaftar. Akta 775 ini juga, memelihara dan melindungi pengamal perubatan dan badan perubatan yang berdaftar.

PERBINCANGAN

As-Syeikh Said Hawa (1984) telah berkata ‘Islam memberikan kebebasan kepada akal manusia untuk berfikir dalam perkara sepatutnya difikirkan. Islam juga memberikan kebebasan kepada orang Islam melakukan kajian ilmiah dalam bidang yang luas’.

Penyelidikan yang diiktiraf Islam, mestilah berlandaskan kepada dasar-dasar syariat. Islam tidak mengiktiraf sebarang kajian yang bertujuan untuk menghalalkan perkara yang telah dilarang di dalam Al-Quran dan Hadith.

Pengubatan Islam dikategorikan sebagai “fardhu kifayah bukan syariat” dengan tujuan untuk menguruskan urusan dunia yang pastinya tidak dapat diketepikan atau dielak. Ilmu perubatan Islam merupakan satu bidang dan amalan yang berteraskan kepada wahyu Allah dan Sunnah Rasulullah SAW. Ciri-ciri perubatan Islam yang mempunyai paradigma, konsep yang jelas, mempunyai nilai-nilai agama, berkehendak kepada tatacara ujian, dan rawatan yang dijalankan mestilah selaras dengan Al-Quran dan Al-Sunnah.

Ilmu Perubatan Islam sangat sinonim dengan perubatan Nabi atau lebih dikenali dengan nama *al-Tibb al-Nabawi*. Petunjuk daripada hadith Rasulullah SAW merupakan sumber utama rujukan Pengubatan Islam.

Sarjana Islam, ahli pemikir, memainkan peranan penting dalam mengembangkan ilmu perubatan Islam ini. Usaha ini dapat dilihat pada zaman sekitar abad ke-2 dan ke-3 Hijrah. Bermulanya secara komprehensif pada awalnya diusahakan secara berterusan atas pengumpulan hadith Rasulullah SAW oleh *muhaddith*. Imam Bukhāri, Imam Muslim, Imam Abu Dāwūd, Imam Tirmidhí, Imam Ibn Mājah dapat dilihat dalam sunan mereka yang mengumpulkan hadith di dalam bab-bab berkaitan perubatan Nabi. Ia merupakan satu sumbangan yang besar kepada kecemerlangan perubatan Islam, mendorong generasi seterusnya mengkaji dan mengembangkan lagi petunjuk ilmu perubatan Islam yang kini dikenali dengan nama *al-Tibb al-Nabawi*.

Terdapat banyak kitab-kitab yang ditulis merujuk kepada *al-Tibb al-Nabawi* antaranya Kitab *al-Tibb al-Nabawi* oleh oleh Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (m. 751H/ 1350M), Kitab *al-Manhaj al-Sawiy wa al-Manhal al-Rawifi al-Tibb al-Nabawi* karangan Imam al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti (m. 911H/ 1505M) dan lain-lain.

Perkembangan ilmu perubatan Islam ini juga dapat dilihat pada kitab *Tib* di alam Melayu seperti *Tajul Muluk*, *Surat Tib Ubat*, *Tajus as Salatin*, *Kitab Tibb Pontianak*, *Mujarabat Melayu*, *Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb alInsan*, *Kitab Tib:Ilmu perubatan Melayu* dan banyak lagi. Ilmunya terus berkembang dan mempengaruhi perubatan moden pada masa kini. Bahkan mendapat tempat dalam kalangan pengkaji pada masa kini dan memperoleh beberapa inisiatif daripada Kerajaan Malaysia melalui geran penyelidikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Kajian yang dilakukan ini, telah membuktikan aspek saintifik dalam perubatan di alam Melayu.

Akta Perubatan Traditional dan Komplementari 2016 (Akta 775) telah mengiktiraf badan amalan pengubatan Islam melalui badan pengamal daripada Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia. Ciri paling asas dalam pengubatan Islam mestilah bebas daripada unsur-unsur syirik, menyakini penyembuhan hanya daripada Allah SWT. Rawatan yang diberikan tidak hanya

terbatas kepada penyakit rohani semata-mata tetapi mencakupi penyakit fizikal antaranya rawatan Asma, Darah Tinggi, Migrain, Barah Tulang dan lain-lain lagi. Rawatan yang diberikan adalah bertujuan untuk pencegahan (*prevention*), merawat (*treatment*), mengurus peyakit, memelihara kesejahteraan fizikal dan mental pesakit. Namun, Islam tidak melarang untuk umatnya berusaha, maka perubatan berasaskan sains juga digalakkan di samping perubatan Islam sebagai salah satu usaha ke arah penyembuhan. Ini adalah seperti yang didukung oleh Maqasid Shariah di mana nyawa seseorang individu adalah penting dan berharga. Hal ini kerana setiap nyawa diciptakan hanya untuk menyembah Allah SWT.

KESIMPULAN

Pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa ilmu perubatan Islam telah memberi kesan besar kepada ilmu perubatan. Sama ada ilmu perubatan moden ataupun klasik, daripada pengaruh tamadun yang pelbagai telah memberikan kepelbagaian kepada manusia untuk mengkaji dan meneroka. Hal ini juga dapat diketahui melalui ilmu perubatan yang terdapat dalam kitab Tib Melayu mempunyai nilai ilmu yang pelbagai. Ia perlu dikaji dengan lebih mendalam secara holistik, disokong dengan dapatan saintifik, agar khazanah perubatan ini terus terpelihara dan menghasilkan penemuan terbaru yang memberi manfaat pada kesejahteraan manusia.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaya atas pemberian geran penyelidikan TRGS (TR001B-2014A) bertajuk ‘*Bioassay-Guided Fractionation of Selected Plants and Structural Elucidation of Isolated Pure Compounds*’.

RUJUKAN

- Abd Aziz, S. F., & Yunos, Y. (2019). Khasiat herba dalam kitab tib Melayu (Herbal remedies in the Malay tib). *Akademika*, 89(1), 151-162.
- Abidin, Danial Zainal. (2014). *Perubatan Islam dan bukti sains moden*. Edisi 2015. Selangor: PTS Millennia.
- Abu Dawud Sulaymān ibn al-Ash’ath al-Azdi as-Sijistani. (2009). *Kitab al-tib. sunan Abu Dawud*. Jil. 6. Damsyik: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Adil Muhammad 'Ali al-Syeikh Husaian. (2005). *Mu'allafat fi al-Tibb al-Nabawi, Majalah Alam al-Kutub*, 1, 23.
- Ahmad, K. (2016). Keperluan dalam pembangunan indeks patuh syariah dalam bidang pengubatan alternatif Islam, *In: The 1st International Conference on Islam and Contemporary Issues in The Muslim World: Challenge and Way Forward, 5-6 December 2016*, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. <http://eprints.um.edu.my/id/eprint/17725>

- Ahmad, K., Rosele, M., & Md Ariffin, M. (2019). Prognosis masyarakat Muslim terhadap paradigma pengubatan Islam di Malaysia. *Jurnal Ushuluddin*, 47(2), 115-130. doi:10.22452/ushuluddin.vol47no2.5
- Ahmad, Khadher., & Mohd Farhan Md Ariffin. (2013). Pengubatan alternatif berteraskan Islam: Analisis perkembangan dan hala tujunnya di Malaysia. *Jurnal ILIM: Institut Latihan Islam Malaysia*, 6, 55-87.
- Akmaluddin, Muhammad. (2018). The epistemology of sharḥ hadith in Al-Andalus in the second to the third century ah: A book study of tafsīr gharīb almuwaṭṭa by ‘Abd Al-Malik Bin Ḥabīb. *Jurnal Ushuluddin*, 26(2), 113-129.
- Akta Perubatan Traditional dan Komplementari (PT&K) 2016 [AKTA 775], Perintah Perubatan Traditional Dan Komplementari (Penetapan Badan Pengamal) 2020. Diakses pada 1 Jun 2020 di laman sesawang <http://tcm.moh.gov.my>
- Al-Bakri, D. B. (2011). *Perubatan al-ternatif mengikut perspektif Islam*. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Ali, M. S. M., Mokhtar, A. B., & Zakaria, R. M. A. (2020). Ilmu etnosains dalam manuskrip alam Melayu. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 33(Isu Khas), 43-50.
- Rahbar, S., & Nejad, M. R. (2017). Al-Harith Ibn Amro ibn Kalada Saghafi Physician: From Myth to Reality. *Medical History*, 9(31), 41-53.
- Al-Qaradhawi, Y. (2015). *Fatwa Kontemporari Jilid 2, Siri 4 (Perubatan Dan Politik)*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Al-Tirmidhī, Abū ‘Īsā Muḥammad ibn ‘Īsā as-Sulamī aḍ-Ḍarīr al-Būghī. (1962). *Kitab al-tib*. Sunan at-Tirmidhī. Jil. 4. Suntingan Fuad abd Baqi. Mesir: Syarikat Mustafa al-Halbi.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1994). *Tafsir al-munir*. Lebanon: Dar al-Fikr al-Mu’ashir.
- Ariffin, M. F. M., Othman, M. R., Ahmad, K., Yakub, M., & Yusoff, Z. M. (2020). Inai menurut perspektif hadis dan sains. *Albasirah Journal*, 10(2), 37-56.
- Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari (2011), *Garis panduan amalan pengubatan islam*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Deuraseh, N. B., & Nordin, F. N. M. N. B. (2017). Pengetahuan, sikap dan kesedaran pelajar perubatan tahun pertama Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap etika perubatan: Satu deskriptif dan penemuan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 14(1), 1-17. <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/190>
- Din, Haron. (2011). *Pengantar pengubatan Islam*. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa.
- Abd Hamid, F. @ Ahmad F., & Mohammad, H. (2008). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani- Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani. *Journal of Al-Tamaddun*, 3(1), 110-127.

- Fauzi, N. W. (2012). Perubahan melayu tradisional: Kitab tibb pontianak (Malay traditional medicine: kitab tibb pontianak). *Journal of Al-Tamaddun*, 7(1), 149-162.
- Fauzi, N., Ahmad, K., & Kamaruzaman, W. N. A. B. W. (2019). Fever in the perspective of hadith and Malay medical manuscript: An analysis on kitab bermacam-macam khasiat. *Al-bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 17(1), 87-124.
- Hajar, R. (2015). History of medicine timeline. *Heart views: the official journal of the Gulf Heart Association*, 16(1), 43. <https://doi.org/10.4103/1995-705x.153008>
- Haliza, M. R. (2005). *Prinsip dan amalan dalam perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- HAMKA, Abdul Malik Karim Amrullah. (2012). *Tafsir al-azhar*. Singapura. Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Hasan, O. K., Othman, N. P., Muhamad, S. N., & Abdullah, A. (2020). Terapi pemakanan menurut pandangan Sheikh Abbas Kuta Karang: Kajian awal terhadap kitab al-rahmah fi al-tib wa al-hikmah (nutritional therapy according to Sheikh Abbas Kuta Karang: Early research based on kitab al-rahmah fi al-tib wa al-hikmah). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2), 13-24.
- Ibn Majah, Abū ‘Abdillāh Muḥammad ibn Yazīd Ibn Mājah al-Rab‘ī al-Qazwīnī. (2002). *Kitab al-Tib. Sunan Ibn Majah*, Suntingan Muhd Nasir al-Albani. Riyadh: Maktabah al-Maarif. Jil. 4.
- Ibrahim, A. H., Rahman, N. N. A., Saifuddeen, S. M., & Baharuddin, M. (2019). Tri-parent baby technology and preservation of lineage: An analysis from the perspective of maqasid al-shari’ah based Islamic bioethics. *science and engineering ethics*, 25(1), 129-142.
- Ibrahim, N., & Ahmad Shah, F. (2020). Prophetic medicine in Malay manuscript: A brief study on the 19th century kitāb ṭib manuscript. *HADIS*, 10(19), 454-464.
- Jamal, Jamia Azdina. (2006). Malay traditional medicine. *Tech Monitor (Special Feature: traditional Medicine: S & T Advancement)*, 1, 37-49.
- Jamilah, J., Najib, A. A., Dzulkhairi, M. R., Ariff, H. O., & Ismail, N. N. (2014). Integration of Islamic Input in Medical Curriculum Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Experience. *IJUM Medical Journal Malaysia*, 13(2), 73-77. <https://doi.org/10.31436/imjm.v13i2.483>
- Kamarudin, M. Q., Ripin, M. N., Haron, Z., & Mustafa, N. (2020). Tasawur perubatan Melayu berdasarkan kitab perubatan Melayu (Tasawur of Malay medicine in Malay traditional medicine book). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(03-2), 39-54.
- Kamus Dewan. (2005). eEd, ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Khaldun, I. (2006). *Mukadimah Ibn Khaldun* (terj. Dewan Bahasa dan Pustaka). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,.
- Lamin, R. A. C., Lean, Q. Y., Othman, N., & Hasbullah, S. (2018). Prophet Muhammad (Pbuh) dietary and medicine: Pharmacy students' assessment and acceptance. *The Turkish Online Journal of Design, Art and Communication – TOJDAC*, September 2018 Special Edition, 3006-3011.
- Long, Ahmad Sunawari. (2016). *Falsafah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: ITBM, Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 104.
- Lutpi, N. M., & Ramli, R. (2018). Alternative Mmedicine: Issues and challenges of Islamic medicine among students in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(10), 1228–1234.
- Marni, Nurazmallail. (2014). Sumbangan ilmuwan islam dalam perubatan Nabi (Al-Tibb Al-Nabawiyy. *Seminar Antarabangsa Education, Law, Civilization, Sains & Teknologi dalam Konsep dan Aplikasi (ELCIST 2014)*, Fakulti Tamadun Islam, UTM, 747-753.
- Mattar, P. (2004). *Encyclopedia of the modern middle east & north Africa (2nd ed.)*. Vol. 4. Macmillan reference USA.
- Meri, J. W. (Ed.). (2005). *Medieval Islamic civilization: an encyclopedia (1st ed.)*. Routledge. 36.
- Mohd Hasbie Al-Shiddieque Ahmad, Abdul Mukhti Baharudin, Nur Syahidatul Solihah Aziz @ Ab Aziz. (2017). Perubatan Islam: Satu Perkembangan Dan Sumbangan Tokoh. *3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (3rd MFIFC)*, 16-26.
- Muhammad bin Yazid al-Qazwayni. (1986). *Sunan Ibn Majāh, kitab al-tibb*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi'.
- Mumtaz, R. (2020). 03| Unani super sea food -animal component (Pearl) and future policies. *Revelation and Science*, 9(02), 32–38. Retrieved from <https://journals.iium.edu.my/revival/index.php/revival/article/view/252>
- Omar, N. (2006). Perkembangan ilmu perubatan: sebelum dan selepas kedatangan Islam. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, Bil. 7,139-150. ISSN 1511-8393
- Othman, M. R., Md Ariffin, M. F., Ahmad, K., Othman, R., Awang, K., & Yuso, Z. M. (2021). Lawsonia inermis Linn.(Inai) dalam perspektif hadith: Aplikasi dalam etnobotani Melayu dan kehadiran aktiviti antioksidasi. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 43(1), 97 – 111.
- Piah, H. M. (2006). *Kitab tib: Ilmu perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Razif, M., & Sempo, M. W. (2019). Malay medicinal practices and prophetic foods for treating the four types of illnesses most commonly found in the bottom billion population: A preliminary review in the usage of nigella sativa (black seed) in Malay manuscripts found in Malaysia. *AL-ABQARI: Journal of*

- Islamic Social Sciences and Humanities*, 17(1), 52-56.
<https://doi.org/10.33102/abqari.vol17no1.85>
- Riji, H. M. (2000). *Prinsip dan amalan dalam perubatan Melayu*. Nilai: Penerbit Universiti Malaya.
- Salleh, F. M., Saari, Z., Rahman, N. N. H. A., & Mustafa, N. (2020). Amalan diagnosis dalam perubatan melayu berdasarkan kitab tib (Diagnosis practice in Malay medicine based on the kitab tib). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2), 01-11.
- Salleh, H. M., Soon Lim Chong, Rozana Othman, Hazrina Hazni, Khadher Ahmad, M. Y. Z. Mohd Yusof, N. W. Fauzi, H. A. Wahab, S. Y. Liew, and K. Awang. (2019). Dengue protease inhibition activity of selected Malaysian medicinal herbs. *Tropical Biomedicine*, 36(2), 357-366.
- Samuri, M. A., Ali, M., Ashraf, M., & Ihwani, S. S. (2018). Kemajuan Islam dan hubungannya dengan penemuan sains in *Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018* pada 17hb. Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM, p. 59-72. ISBN: 978-967-2171-28-7.
- Sempo, M. W., Fauzi, N., Mohd @ Amat, R. A., & Mohd Ghazali, N. (2019). Kearifan tempatan mengenai kapur barus (Cinnamomum camphora) menurut perspektif Islam dan budaya masyarakat Melayu abad ke 19M. *‘Abqari Journal*, 19(1), 76-90. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol19no1.196>
- Taha, A., & Ibrahim, I. (1992). *Kedoktoran Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Taklim, U. R. (1984). *Said Hawa*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Yakob, M. A., Yakub, M., Yusoff, Z. M., Fauzi, N., Awang, K., Othman, R., & Mustafa, M. R. (2016). Kekekapan penerbitan di SCOPUS mengenai flora-flora dalam al-Quran dan al-Hadith. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 2(1), 123-142.
- Zulkiflee, Haron. (2016). Konsep Al-Shifā’ dalam Al-Qur’an: Kajian terhadap metode rawatan Ibn Qayyim Al-jawziyyah/Zulkiflee Haron (*Doctoral dissertation, University of Malaya*).

Laman Sesawang

- Diakses di laman sesawang pada 2 Februari 2021
<http://tcm.moh.gov.my/ms/index.php/akta-pt-k-2016/akta2016>
- Diakses di laman sesawang pada 2 Februari 2021
<https://www.hmetro.com.my/utama/2020/12/656387/hukum-ambil-vaksin-covid-19-adalah-harus>
- Diakses pada 20 April 2020 di laman <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1454-irsyad-al-hadith-siri-ke-128-imam-al-bukhari-dan-sahihnya-2>

Diakses pada 9 Mei 2020 di laman sesawang
<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/08/598810/perubatan-islam-semuh-penyakit-rohani-jasmani>

Rujukan kes

PP v. Abdul Rahman Mohamad [2005] 1 CLJ 700, 51.